

# UMP anjur Karnival Expoconvo'13, Sabtu ini

KUANTAN 26 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Karnival Expoconvo'13 universiti itu yang akan diadakan di kampus Gambang di sini selama seminggu bermula Sabtu ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof. Dr. Yusserie Zainuddin berkata, ekspo itu dianjurkan sempena majlis konvokesyen universiti itu yang akan diadakan selama dua hari bermula 5 Oktober ini.

Menurutnya, pelbagai program disusun bagi memeriahkan ekspo tersebut dengan dimulakan pertandingan futsal dan bola baling pada hujung minggu ini.

Katanya, pengajuran itu dijangka mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai sekali gus menjadikan ekspo konvo terbesar pernah diadakan universiti itu.

"Kita menyasarkan lebih 10,000 orang akan mengunjungi ekspo tersebut dengan menyediakan pelbagai aktiviti serta pengisian menarik."

"Kami yakin para penuntut dan orang ramai terutama penduduk berhampiran seperti di Gambang, bandar Kuantan dan Pekan akan bersama berkunjung ke ekspo ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurutnya, beliau turut kagum dengan kesungguhan penuntut UMP yang turut sama terlibat dalam ekspo itu kali ini.

Katanya, bagi memeriahkan ekspo itu, lebih 80 gerai jualan serta pameran dibuka dan lebih menarik persembahan seni bayangan sebagai acara utama pada majlis perasmian 2 Oktober ini.



**Universiti  
Malaysia  
PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity



YUSSERIE

Selain itu jelasnya, program keagamaan juga turut diadakan iaitu menganjurkan UMP Berselawat dengan disertai selebriti televisyen *Al-Hijrah*, Sheikh Nuruddin Marbu al-Banjari yang terkenal menerusi program *Cinta Ilmu* dan persembahan kumpulan Qasidah Dervish Maulid Ensemble.

"Antara aktiviti lain yang diadakan nanti adalah Hari Sains bersama Kelab InSmartive UMP dan Running Man UMP pada 2 Oktober ini diikuti ceramah Peluang Pengajian (3 Oktober); pertandingan Hiasan Kek Cawan, Friday Wisdom dan slot Pertahanan diri wanita (4 Oktober), Konsert IM4U (5 Oktober) dan Larian Untuk Keamanan (6 Oktober).

"Tidak dilupakan program khas untuk kanak-kanak pada 5 Oktober ini yang diceriakan dengan pertandingan mewarna dan pertunjukkan pakaian kanak-kanak serta menyediakan pelbagai jenis permainan terhadap golongan itu," ujarnya.

Orang ramai boleh menghubungi urus setia expoconvo13 di talian 09-492432 bagi sebarang pertanyaan mengenai aktiviti diadakan atau boleh diikuti melalui laman sosial [www.facebook.com/ExpoconvoUMP2013](http://www.facebook.com/ExpoconvoUMP2013).